



BULETIN

BILANGAN 5/2009
26 JUN 2009 / 3 REJAB 1430

*Waktu Solat
Daerah Marang dan
Kuala Terengganu*

SUBUH	5.34 am
ZUHUR	1.13 pm
ASAR	4.38 pm
MAGHRIB	7.24 pm
ISYAK	8.40 pm



CADET CHALLENGE

Suntikan Konsep Integrasi Pelajar



WAKAF TAPAI, 25 Jun – Acara ini dinamakan *Cadet Challenge* yang menggabungkan cabaran fizikal dan mental. *Cadet Challenge* diadakan bersempena dengan Perkhemahan Kadet Bomba Peringkat Kebangsaan Tahun 2009 di Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia, Wakaf Tapai, Marang, Terengganu. Acara ini merupakan acara yang julung kali diadakan untuk memenuhi konsep integrasi pelajar.

Objektif acara ini adalah seperti berikut :

1. Melahirkan semangat kerjasama berkumpulan di antara peserta dalam melaksanakan sesuatu tugas.
2. Menguji ketahanan fizikal dan mental para peserta dalam menghadapi situasi pertandingan yang berpanjangan.
3. Menguji perancangan dan strategi di dalam menghadapi permasalahan sepanjang pertandingan dijalankan.
4. Mengasah bakat kepimpinan di kalangan peserta untuk memberi arahan dan membuat keputusan; dan
5. Memupuk semangat perpaduan di kalangan peserta yang terdiri daripada pelbagai latarbelakang, negeri dan keturunan.

Bersambung di muka surat 3...



Ruangan Cikgu Kita!

Nama : Pn. Azlisa binti Mohamad
Asal : Melaka
Tempat Bertugas : SMK Munshi Abdullah
Komen :



Perkemahan Kadet Bomba dapat memantapkan pengetahuan tentang erti kadet Bomba itu sendiri. Kadet-kadet Bomba juga berpeluang menunjukkan bakat dan kebolehan. Disamping itu juga, PKB dapat mengeratkan hubungan antara guru dengan Pegawai Bomba.

Nama : En. Ahmad Shah bin
Haji Mohamad Bakri
Asal : Negeri Sembilan
Tempat Bertugas : Sekolah Menengah
Teknik Labuan



Perkemahan Kadet Bomba berjalan lancar dengan pengurusan masa yang baik. PKB 2009 juga memberi suatu pengalaman baru dan bermanfaat kerana berpeluang merasai dan menjiwai kerjaya pegawai bomba

REDAKSI

SIDANG

Penasihat :

PgKB1 Norazam Bin Khamis

Ketua Editor :

PgB Henderi Bin Ardimansyah

Editor :

PBKII Haji Nordin Bin Haji Zakaria

PB Raja Arisan Sahseni

Rekabentuk Grafik :

PB Mohd Azam Bin Mohd Noor

PB Mohd Hazirul Anuar Bin Ab. Aziz

PB Lizawati Binti Mohd Nasir

Fotografi :

PB Rassyidee Bin Che Bebakar

PB Zulkifli Bin Md. Akhir

PB Mohd Hazri Bin Abd Manan

PB Mohd Hazirul Anuar Bin Ab. Aziz

PB Mohd Faizal Bin Sulaiman

PB Mohd Zaki Bin Ismail

PB Juliana Binti Hashim

Percetakan :

PB Mohd Azam Bin Mohd Noor

PB Mohd Zaki Bin Ismail

Pengedaran :

PB Mohd Faizal Bin Sulaiman

Pembantu Sidang Redaksi

Pegawai Kadet Siri 1&2/2009

Coretan KETUA EDITOR

Assalamualaikum dan salam sejahtera.

Kemampuan kadet-kadet bomba diuji lagi semalam dalam acara *Cadet Challenge*. Berfokuskan kerja berpasukan, kadet-kadet bomba yang menyertai acara berkenaan perlu melepasi 8 *check point* yang masing-masing mempunyai tugas tersendiri.

Acara *Cadet Challenge* merupakan acara integrasi pelajar yang bertujuan untuk melahirkan semangat kerjasama berkumpulan di antara peserta dalam melaksanakan sesuatu tugas. Di samping itu juga, acara ini menguji ketahanan fizikal dan mental para peserta menghadapi situasi pertandingan. Acara ini tidak disenaraikan dalam pertandingan. Ia merupakan suatu program khas diadakan oleh pihak pengelola bagi memenuhi konsep integrasi dalam PKB 2009.

Hari ini pula, peserta-peserta PKB 2009 akan dibawa melawat ke tiga destinasi tarikan negeri Terengganu – Taman Tamadun Islam, Muzium Negeri Terengganu dan Pusat Sanctuary Penyu. Ketiga-tiga destinasi mempunyai tarikan tersendiri dan bak kata orang, semakin jauh perjalanan semakin luas pengalaman. Adalah diharapkan para peserta PKB 2009 dapat mengambil kesempatan untuk melihat sendiri tarikan yang terdapat di tiga buah tempat tersebut di samping mempelajari pengetahuan baru.

Selamat belajar... selamat melawat ke negeri Terengganu Darul Iman.

Sekian, terima kasih.

Mutiara Kata...

"Manusia biasanya lebih menghargai sesuatu yang diperoleh tetapi sering melupakan nikmat yang telah tersedia"





PERKHEMAHAN KADET BOMBA






Liputan

Cadet Challenge Integrasi Suntikan Konsep Integrasi Pelajar

Sambungan dari muka surat 1...

Acara ini mengkehendaki 20 orang peserta – 10 lelaki dan 10 perempuan bersaing dalam merebut juara *Cadet Challenge*. Semalam menyaksikan 20 kumpulan integrasi pelbagai kaum, agama dan negeri saling bersaing. Sebanyak 8 *check point* perlu ditempohi yang masing-masing mempunyai tugas masing-masing. Setiap tugas membawa cabarannya tersendiri.

Cadet Challenge membawa suatu kelainan dalam Perkhemahan Kadet Bomba. Ini kerana selain julung kali diadakan para kadet bomba yang menyertai perkhemahan diuji ketahanan mental dan fizikal semasa menyertai acara ini. Ia juga tidak melibatkan pertandingan antara negeri-negeri tetapi persaingan antara kumpulan yang dibentuk secara campuran daripada pelbagai negeri. Apapun *Cadet Challenge* memberi suatu pengalaman baru buat kadet-kadet bomba.




KEPUTUSAN PERTANDINGAN

Cadet Challenge Integrasi

KEPUTUSAN RASMI PERTANDINGAN CADET CHALLENGE	
KUMPULAN	KEPUTUSAN
KUMPULAN 20	1
KUMPULAN 16	2
KUMPULAN 13	3
KUMPULAN 11	4
KUMPULAN 17	5
KUMPULAN 19	6
KUMPULAN 14	7
KUMPULAN 8	8
KUMPULAN 12	9
KUMPULAN 15	10
KUMPULAN 6	11
KUMPULAN 4	12
KUMPULAN 9	13
KUMPULAN 10	14
KUMPULAN 3	15
KUMPULAN 1	16
KUMPULAN 18	17
KUMPULAN 5	18
KUMPULAN 2	19
KUMPULAN 7	20

WAKAF TAPAI, 24 Jun – Persaingan begitu sengit di antara 20 kumpulan integrasi yang dibentuk dari pelbagai negeri. Seramai 9 kumpulan dilepaskan pagi tadi dan bakinya pada sebelah petang. Pelbagai aksi dan ragam ditunjukkan oleh setiap kumpulan bagi menjuarai acara *Cadet Challenge*.

Bermula jam 5.30 petang, suatu majlis penyampaian hadiah bagi acara *Cadet Challenge* telah diadakan. Majlis diadakan di padang kawad dan disempurnakan oleh En. Razali bin Yahya, Penyelia Kanan Ko-Kurikulum, Jabatan Pelajaran Negeri Terengganu. Menjuarai acara *Cadet Challenge* adalah Kumpulan 20 dengan catatan masa terbaik 42 minit 22 saat. Ini diikuti oleh Kumpulan 16 dengan catatan masa 44 minit 59 saat dan tempat ketiga, Kumpulan 13 dengan catatan masa 46 minit dan 1 saat. Tempat ke-4 pula dipegang oleh Kumpulan 11 dan ke-5 oleh Kumpulan 17. Juara, sehingga tempat ke-3 menerima hamper dan piala. Manakala tempat ke-4 dan ke-5 menerima hamper. Majlis selesai pada jam 6.30 petang.



** Untuk pengesahan, sila berhubung dengan Urusetia



Sekitar **PENYAMPAIAN HADIAH** *Cadet Challenge Integrasi*



Ulasan Ketua Pengadil Pertandingan Cadet Challenge

"Secara keseluruhannya, saya berpuas hati dengan prestasi peserta Cadet Challenge yang menunjukkan kerja berpasukan yang tinggi, disiplin yang jitu dan gerak kerja yang pantas dan cekap. Walaupun julung kali diadakan sempena perkhemahan kadet bomba tahun ini, catatan masa terbaik yang dicatatkan tidak mengecewakan iaitu 42 minit 22 saat, melepasi sasaran minimum saya iaitu 45 minit untuk menghabiskan acara ini."

PgB Mohd. Fadzil bin Yusoff
Ketua Pengadil, Pertandingan Cadet Challenge



Juara Cadet Challenge
KUMPULAN 20



6

Sekitar AKTIVITI Hijaukan Bumi

Bumi yang tiada rimba
Seumpama hamba
Dia dicemar manusia
Yang jahil ketawa

Bumi yang tiada udara
Bagai tiada nyawa
Pasti hilang suatu hari
Tanpa disedari

Bumi tanpa lautan
Akan kehausan
Pasti lambat laun hilang
Duniaku yang malang

Dewasa ini kita saling merayakan
Kejayaan yang akhirnya membinasakan
Apalah gunanya kematangan fikiran
Bila dijiwa kita masih lagi muda dan mentah
Ku lihat hijau



Bumiku yang kian pudar
Siapa yang melihat
Di kala kita tersedar
Mungkinkah terlewat

Korupsi, oppresi, obsesi diri
Polussi, depressi di bumi kini

Oo... anak-anak
Tok leh meghaso mandi laok
Bersaing main ghama-ghama

Ale lo ni tuo omornyo berjoto
Koto usoho jauh ke daghi malo petako

Ozon lo ni koho nipih nak nak aghi
Keno make asak hok biso, weh
Pase maknusia
Seghemo bendo-bendo di dunio
Tok leh tahe
Sapa bilo-bilo



Liputan Pertandingan Drama & Sketsa



WAKAF TAPAI, 25 Jun – Pertandingan Drama dan Sketsa diteruskan lagi malam semalam pada jam 9.00 malam dengan lima buah negeri memberikan persembahan mereka. Malam semalam juga merupakan malam terakhir pertandingan. Walau bagaimanapun, majlis penyampaian hadiah ditangguhkan dan menurut pihak Urusetia pertandingan, penyampaian hadiah kepada para pemenang akan dibuat pada 27 Jun 2009 bersama-sama penyampaian hadiah bagi Kuiz Kebombaan.

Lima buah negeri yang memberikan persembahan semalam adalah negeri Kedah, Perlis, Selangor, Sabah dan Johor. Masing-masing membawakan tajuk persembahan yang menarik iaitu "Menjaga Alam Sekitar Tanggungjawab Bersama" (Kedah), "Kadet Cemerlang Pewaris Masyarakat Terbilang" (Perlis), "Luput Kasih" (Selangor), "Masyarakat Gemilang" (Sabah) dan "Tragedi" (Johor).

Selesai sahaja kelima-lima buah negeri membuat persembahan, para pengadil mengambil sedikit masa untuk mengira markah persembahan. Kriteria pemarkahan meliputi aspek pengarahan, lakonan dan sinografi / teknikal. Sebelum keputusan diumumkan, En. Azaha bin Othman, Ketua Pengadil Pertandingan Drama dan Sketsa memberi ulasan iaitu secara keseluruhannya, semua negeri yang menyertai pertandingan ini telah berjaya menunjukkan persembahan yang memuaskan.

Ulasan Ketua Pengadil Pertandingan Drama & Sketsa

"Secara keseluruhannya, semua negeri yang menyertai pertandingan ini telah berjaya menunjukkan persembahan yang memuaskan. Bagaimanapun, setiap persembahan masih boleh diperbaiki sekiranya menjalani latihan yang mencukupi serta menerima tunjuk ajar dari jurulatih yang berpengalaman dalam bidang yang ingin ditandingi ini."

En. Azaha bin Othman
Ketua Pengadil, Pertandingan Drama dan Sketsa

KEPUTUSAN RASMI PERTANDINGAN DRAMA / SKETSA	
NEGERI	KEPUTUSAN
 TERENGGANU	1
 KELANTAN	2
 PERAK	3
 MELAKA	4
 JOHOR	5
 WP KUALA LUMPUR	6
 PAHANG	7
 N.SEMBILAN	8
 WP PUTRAJAYA	9
 SELANGOR	10
 WP LABUAN	11
 SABAH	12
 SARAWAK	13
 PULAU PINANG	14
 KEDAH	15
 PERLIS	16

** Untuk pengesahan, sila berhubung dengan Urusetia





PERKHEMAHAN KADET BOMBA

SENYUM KADET!

8

Aduh !!! Sedihnya... asyik kalah je..malu betul ngan awek-awek aku ni...

Jom kita tengok sapa yang sampai dulu...



Bila la boleh keluar dating ni....



Alah...kalau setakat panjat tebing ni, akulah juara kat kampung



Hai..!!! Sapa nak berkenalan boleh la telefon...

Macam mana boleh sangkut kat sini ni....

Aku dah capak..sebelum ke sini kuruskan badan sikit...



Eleh...macam la dia tu handsome sangat...

Apa tengok..! tengok !..ada hutang ke ?

Mee goreng + ais kacang = best...!!!

Mu.. ni nyusoh ko ore jah....



Cun la cikgu ni...kalau jadi awek aku ok jugak..!!!

Tolong la geng...aku dah tak tahan ni...



Kau tengok tu zam...muka aku masuk buletin la.

Milah... milah....!!

Aaiik..apasal pulak gambar aku takde....

Tengok awek tu..agak2 kalau aku jual minyak .. boleh dapat tak ?

Wei..hang bagi la peluang kat aku pulak....

Kau orang jual minyak apa..? Hulur la sikit...
























PERKHEMAHAN KADET BOMBA

Mendahului semua negeri dan muncul juara PKB 2009 adalah negeri Sabah. Manakala bagi ketua platoon terbaik lelaki jatuh kepada Kontinjen Negeri Terengganu, dan ketua platoon terbaik perempuan jatuh kepada Kontinjen Negeri Melaka. Anugerah guru pengiring terbaik lelaki jatuh kepada Ahmad Asyraf Bin Haji Mohd Bakri (Kontinjen WP Labuan) dan guru pengiring terbaik wanita pula dirangkul oleh Fouziah Binti Tahiruddin (Kontinjen Negeri Perak). Jurulatih terbaik lelaki dianugerahkan kepada PBKII Bazri Bin Abd Rahman (JBPM Negeri Kelantan) dan jurulatih terbaik wanita dianugerahkan kepada PB Noorafidah Binti Hanafiah (JBPM Negeri Pahang). Khemah terbaik telah diberikan kepada Kontinjen Negeri Johor.

Mengakhiri upacara pada majlis tersebut adalah penyerahan bendera kadet bomba sebagai simbol tuan rumah pada tahun 2010. Negeri Pulau Pinang telah menerima penyerahan bendera dari Y.Bhg. Haji Zulkifli bin Mohamad Wazir. Sebelum bersurai para jemputan telah sama-sama menyanyikan dengan semangat lagu "Malaysia Berjaya". Majlis tamat pada jam 1030 malam.




KEPUTUSAN MARKAH

KEPUTUSAN PENUH PERKHEMAHAN KADET BOMBA PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2009												
KONTINJEN NEGERI	KAWAD KAKI		KAWAD OPERASI CAMPURAN	KAWAD OPERASI BERHALANGAN BASAH		KAWAD OPERASI MENYELAMAT KERING		KUIZ KEBOMBAAN	DRAMA & SKETSA	JUMLAH MATA	KEDUDUKAN NEGERI	
	L	W	L+W	L	W	L	W	L+W	L+W			
 SABAH	1	TP	1	1	1	1	1	12	12	30	1	
 TERENGGANU	2	1	9	9	5	2	4	1	1	21	2	
 WP KUALA LUMPUR	4	2	6	8	3	3	3	2	6	9	3	
 SARAWAK	5	TP	12	2	9	8	2	6	13	6	4	
 KELANTAN	3	4	16	15	13	11	10	5	2	4	5	
 WP LABUAN	6	5	5	3	2	6	5	9	11	4	6	
 PERAK	9	7	2	5	11	12	13	14	3	4	7	
 MELAKA	7	3	10	4	4	4	7	3	4	2	8	
 NEGERI SEMBILAN	11	6	3	10	7	5	11	10	8	1	9	
 JOHOR	16	12	4	13	14	9	15	4	5	0	10	
 PAHANG	15	8	11	12	6	7	6	7	7	0	11	
 PERLIS	13	13	13	6	8	16	9	11	16	0	12	
 SELANGOR	8	9	7	7	10	10	8	13	10	0	13	
 WP PUTRAJAYA	10	10	8	14	16	13	12	8	9	0	14	
 PULAU PINANG	12	11	15	11	12	14	14	15	14	0	15	
 KEDAH	14	14	14	16	15	15	16	16	15	0	16	

Nota : Johan - 5 mata
N. Johan - 3 mata
Ketiga - 1 mata

* TP - Tiada Penyertaan

** Untuk pengesahan, sila berhubung dengan Urusetia



Krew Sidang Redaksi Buletin
Perkemahan Kadet Bomba Peringkat kebangsaan
Kali Ke-20 Tahun 2009



Sekalung Budi

Agensi-agensi Kerajaan

Kementerian Pelajaran Malaysia
 Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan Malaysia
 Jabatan Pelajaran Malaysia
 Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia
 Akademi Bomba Dan Penyelamat Malaysia, Wakaf Tapai
 Polis Di Raja Malaysia Negeri Terengganu
 Jabatan Bomba Dan Penyelamat, Negeri Terengganu
 Hospital Sultanah Nur Zahirah Kuala Terengganu
 Hospital Hulu Terengganu
 Pejabat Kesihatan Daerah Marang
 Pejabat-pejabat Pelajaran Negeri Terengganu
 Taman Tamadun Islam, Negeri Terengganu
 Pusat Sanctuary Penyu, Dungun
 Lembaga Muzium Negeri Terengganu

Pihak Berkuasa Tempatan

Majlis Bandaraya Kuala Terengganu
 Majlis Daerah Marang
 Majlis Daerah Hulu Terengganu

Media Cetak & Elektronik

Jabatan Penyiaran Malaysia
 TV3, Cawangan Kuala Terengganu
 Jabatan Penyiaran Kawasan Timur
 Sinar FM
 Sinar Harian
 Berita Harian

Agensi, Kumpulan Dan Orang Perseorangan Secara Langsung Atau Tidak
 Langsung Yang Membantu Menjayakan

**PERKHEMAHAN KADET BOMBA
 PERINGKAT KEBANGSAAN KALI KE-20 TAHUN 2009**

Terima Kasih

